

**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT
DATUK MAS ERMIEYATI SAMSUDIN
TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
PAMERAN HARI KEBANGSAAN & SILANG BUDAYA 2016**

**PADA
10 OGOS 2016
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

**Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera**

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Ong Hong Peng
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan**

**Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan**

**Yang Berbahagia En. Kamarul Baharin A.Kasim
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia**

Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Pengarah-pengarah Muzium Negeri dan Muzium Jabatan.

Ketua-ketua Jabatan, Dif-dif Kehormat,

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin Allah Taala, maka dapat kita berhimpun bersama-sama pada hari ini bagi meraikan majlis perasmian Pameran Hari Kebangsaan dan Silang Budaya 2016. Pertama kalinya hari ini saya diberi mandat untuk merasmikan dua buah pameran serentak. Saya ucapkan tahniah kepada Jabatan Muzium Malaysia atas keupayaan ini dan komitmen padu yang ditunjukkan dalam terus merencana dan menggerakkan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang.
2. Setiap tahun kita meraikan 'Bulan Kemerdekaan' negara bermula 31 Ogos hingga 16 September. Setiap kali itulah mesej yang kita bawa saban tahun adalah sama - seluruh warga Malaysia diingatkan untuk menghargai dan mempertahankan kemerdekaan ini. Saat kita merdeka, itu adalah kejayaan generasi terdahulu yang berjuang dan berkorban untuk menebus maruah bangsa. Tanpa mengira kaum, seluruh rakyat pada masa itu bersatu hati, bertoleransi, berkorban tenaga bahkan mempertaruhkan nyawa dan harta benda demi mewujudkan sebuah bangsa baharu yang merdeka dan berdaulat. Hasilnya hari ini, kita bangkit atas pengorbanan dan perjuangan mereka.

3. Perpaduan adalah teras kejayaan kita. Ketika kita berada di bawah era penjajah, interaksi kita sangat terbatas. Kita menghadapi masalah untuk berasimilasi. Kita menghadapi kesukaran untuk berintegrasi. Kita terpisah walaupun 'hidup bersama'. Tetapi ia bukan salah kita. Dasar kolonial sememangnya digubal sebegitu rupa. Kita terikat dan 'diikat' untuk tunduk dan patuh kepada bangsa asing yang menjadi tuan di tanah air kita sendiri. Sesiapa sahaja yang bangkit menentang akan dipenjarakan, diseksa, dilabel sebagai pemberontak bahkan dibunuh dengan kejam. Pengalaman ini seharusnya sudah cukup memberi iktibar kepada kita.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

4. Sungguh, bukan mudah untuk kita kekalkan apa yang telah kita warisi ini untuk generasi kita yang akan datang tanpa mereka tahu dan faham selok-belok sejarah kemerdekaan negara ini. Lebih 400 tahun lamanya kita dijajah. Ketika itu kita dambakan untuk hidup di bawah pemerintahan bangsa kita sendiri. Kita impikan sebuah bangsa yang bebas dan berdaulat. Justeru apabila kita merdeka, nilainya terlalu besar. Laungan keramat Tunku pada hari yang penuh bersejarah dahulu cukup bermakna sehingga mengusik setiap jiwa yang hadir ketika itu sehingga ramai yang menitikkan air mata kesyukuran. Demikian makna sebuah kemerdekaan.

5. Hari ini situasinya tidak sama. Ramai di antara kita yang menyambut merdeka pada hari ini adalah generasi pasca merdeka yang tidak melalui pengalaman seperti mereka. Generasi masa kini lahir dan membesar dalam suasana yang berbeza. Kita tidak lagi hidup dalam ketakutan tetapi hidup dalam kemakmuran menyebabkan sebahagian di antara kita khususnya generasi muda pada masa kini gagal menghayati erti sebuah kemerdekaan. Lebih mendukacitakan apabila ada kalangan mereka yang merasakan bahawa tarikh bersejarah ini tidak lebih daripada salah satu hari cuti umum dalam kalendar rakyat Malaysia.

6. Hakikat ini sememangnya sukar untuk kita terima. Sekiranya dibiarkan, ia bisa berubah menjadi simptom yang membusuk dalam masyarakat kita. Bahkan ini menerangkan justifikasi yang sangat jelas kepada kita di sebalik pelaksanaan Sejarah sebagai subjek wajib lulus oleh pihak kerajaan. Agenda kita adalah untuk melahirkan generasi muda yang 'celik sejarah' agar mereka sedar bahawa kita merdeka bukanlah semudah yang disangka.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

7. Suka saya ingatkan bahawa tugas untuk merealisasikan hasrat tersebut wajar kita galas bersama kerana negaramenaruh harapan yang sangat tinggi kepada golongan ini. Manakan tidaknya, di tangan mereka inilah letaknya 'survival' bangsa. Justeru kita mahu supaya mereka memahami dan menghargai nilai kemerdekaan yang telah diperolehi. Kita juga mahu mereka menyambung dan

meneruskan usaha kita untuk mempertahankan segala apa yang telah dibina khususnya dalam memperkasakan keutuhan dan perpaduan kaum yang menjadi tonggak kestabilan dan kemajuan negara.

8. Jadi, usaha dan inisiatif yang diambil Jabatan Muzium Malaysia menerusi penganjuran pameran hari merdeka yang seumpama ini selayaknya diberi pujian. Kita tidak akan berhenti daripada terus mengingatkan generasi muda tentang hakikat kemerdekaan negara. Biar diulang-ulang sentiasa supaya tersemat dalam sanubari mereka bahawa nilai dan nikmat merdeka terlalu mahal harganya.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

9. Seperti tahun lepas, tema hari kebangsaan tahun ini ialah 'Sehati Sejiwa'. Tema ini mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat di negara ini. Pemilihan dan pengkalan 'Sehati Sejiwa' pada tahun ini memperlihatkan betapa kerajaan memandang serius isu perpaduan dalam usaha memupuk semangat bersatu-padu di kalangan seluruh warga Malaysia. Kita sentiasa diingatkan untuk menjauhi segala rintangan yang boleh membawa perpecahan dan persengketaan yang hanya akan mendatangkan kemudharatan kepada negara. Ingatlah bahawa perbezaan kaum, budaya dan agama bukanlah penghalang untuk kita perkukuhkan perpaduan sesama kita.

10. Perbezaan yang ada bahkan menjadi kelebihan kepada kita. Kita sangat bertuah kerana perbezaan ini menjadikan kita unik dan kuat kerana umum tahu bahawa

bukan mudah untuk mewujudkan persefahaman dan toleransi yang padu di antara golongan yang berbeza budayanya, bahasanya, adat dan kepercayaannya. Unikny kita kerana kita tidak melihat garis perbezaan ini sebagai pemisah sebaliknya kita raikannya di bawah tema 'perpaduan dalam kepelbagaian'. Kepelbagaian ini mendekatkan kita. Kita berkongsi budaya, kita berkongsi citarasa – sebut apa sahaja, nasi lemak, teh tarik, sate, char kiew tiau, roti canai, capati, tosei, manuk pansuh, kek lapis, umai dan banyak lagi – semua ini adalah selera satu Malaysia. Ini menu kegemaran rakyat Malaysia dari Perlis sampailah ke Sabah. Demikian juga kita berkongsi budaya. Budaya kita yang penuh warna-warni merupakan aset yang tidak ternilai kepada negara kita apabila dunia mengenali kita sebagai sebuah negara berbilang kaum yang harmoni di bawah jenama "Malaysia Truly Asia".

11. Di bawah jenama ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mengaturkan pelbagai aktiviti untuk terus memperkasakan usaha mempromosi pelancongan domestik dan luar negara. Bahkan saya percaya semua agensi kita di bawah kementerian berusaha keras untuk tujuan tersebut. Muzium sebagai 'custodian of heritage' ada fungsi dan peranannya tersendiri. Saya tahu Jabatan Muzium Malaysia sentiasa memikirkan kaedah-kaedah yang terbaik dalam mempromosikan khazanah warisan sejarah dan budaya negara menerusi setiap program dan aktivitinya termasuklah inisiatif yang dibuat untuk penganjuran kedua-dua buah pameran yang akan kita saksikan sebentar lagi. Jika Pameran

Hari Kebangsaan 2016 direncanakan bagi melahirkan apresiasi terhadap nilai kemerdekaan serta memupuk rasa bangga dengan pencapaian negara yang mencakupi pelbagai bidang, maka saya difahamkan bahawa penganjuran Pameran Silang Budaya pula memberi perhatian kepada usaha untuk mempromosikan seni warisan kebudayaan Melayu dari enam buah negeri iaitu Perak, Selangor, Johor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur), Kedah dan Pulau Pinang.

12. Tahniah, saya melihat ia sebagai satu permulaan yang baik untuk mempromosi dan mengenengahkan warisan budaya setiap negeri. Mungkin dalam masa akan datang pameran silang budaya ini dapat diperluaskan lagi, bukan sahaja ke semua negeri di seluruh negara tetapi juga diperluas dan diperhebatkan lagi dalam konteks warisan budaya pelbagai kaum di Malaysia. Syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat.

Hadirin – hadirat yang dihormati sekalian,

13. Kesemua kita mempunyai hasrat untuk membina satu negara dan satu bangsa yang aman dan makmur. Keamanan dan kemakmuran negara akan menjadi landasan yang penting untuk kita melangkah lebih jauh ke hadapan. Kita telah melihat buktinya apabila negara kita berjaya mencipta kejayaan demi kejayaan dalam pelbagai bidang yang dahulunya mungkin tidak terjangkau pada fikiran

kita. Demikian juga hari ini kita berbangga dengan anak-anak muda kita yang berjaya melakar nama di persada antarabangsa dengan prestasi dan pencapaian yang luar biasa. Inilah generasi muda berwawasan yang menjadi aspirasi negara.

14. Justeru saranan saya kepada generasi muda ini, pandanglah jauh ke hadapan, teruskan mengejar masa depan yang gemilang. Jauhi segala anasir-anasir yang boleh menggugat keharmonian serta memecah-belahkan perpaduan yang terbina selama ini. Belajarlah daripada sejarah dan hargailah seni warisan budaya kita agar nilai jati diri kita tetap utuh sehingga kita mampu membina sebuah bangsa yang disegani dan dihormati. Berwaspadalah, kerana musuh akan sentiasa mengintai peluang untuk memporak-perandakan keharmonian sesama kita. Ambillah iktibar dari apa yang berlaku di luar sana – peperangan, rampasan kuasa, persengketaan sesama sendiri apatah lagi campur tangan asing sebenarnya tidak langsung memberi kebaikan walau sebesar zarah sekalipun. Ibarat menang jadi arang, kalah jadi abu.

15. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kedua-dua pameran ini. Sama-samalah kita doakan semoga pameran-pameran ini akan berjaya mencapai objektif seperti yang dihasratkan.

16. Dengan lafaz, Bismillahrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Pameran Hari Kebangsaan 2016, "Satu Malaysia Satu Cerita" dan Pameran "Silang Budaya".

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum w.b.t.

Terima kasih.